



**Sultan Ibrahim menyampaikan sumbangan peribadi RM500,000 kepada Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM, semalam.**

## Sultan Johor sumbang RM500,000 kepada UTHM

**JOHOR BAHRU** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menyampaikan sumbangan peribadi RM500,000 kepada Dana Wakaf Tunai Pendidikan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), semalam.

Sultan Ibrahim berkenan menyerahkan cek sumbangan berkenaan kepada Pengarah Wakaf UTHM, Prof Dr Wan Zahari Wan Yusoff di Istana Bukit Pelangi di sini.

Sumbangan itu sebagai tanda keprihatinan baginda yang sentiasa menitikberatkan kepentingan rakyat terutama dalam soal pendidikan.

Pada penyerahan sumbangan itu, pihak UTHM turut mempersembahkan buku cenderahati keluaran khas UTHM sempena Kembara Mahkota Johor 2017 kepada baginda.

Turut hadir, Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razally, Penasihat Majlis Agama Islam Johor yang juga Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Datuk Nooh Gadut dan Ketua Pejabat Canselori UTHM, Safry Salim.